

**SOALAN NO. : 447**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ [  
SUNGAI SIPUT ]**

**RUJUKAN : DN19**

**SOALAN :**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan mengapa labeling barangan yang mengandungi bahan yang dibuat dengan penggunaan organisma diubahsuai (GMO) masih belum dikuatkuasakan walaupun terkandung dalam Seksyen 61 Akta Biokeselamatan 2007 (Akta 678).**

## JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Seksyen 61 Akta Biokeselamatan 2007 [Akta 678] mengkehendaki supaya semua organisma diubahsuai (*Genetically Modified Organisms* GMO), barangan yang mengandungi GMO dan produk yang terbit daripada GMO yang diluluskan sahaja perlu dilabel.

Sehingga Disember 2015, Lembaga Biokeselamatan Kebangsaan telah meluluskan sebanyak 22 permohonan untuk penggunaan GMO iaitu 68.2% bagi tujuan makanan dan makanan haiwan iaitu *Genetically Modified Food* (GMF), 13.6% bagi ujikaji lapangan, 4.6% bagi memasarkan bunga *carnation* (GMO), 9% bagi *biopesticide* (GMO) untuk nyamuk dan 4.6% *biofertiliser* (GMO).

Pelabelan GMF adalah tertakluk kepada Akta Makanan 1983 di bawah Kementerian Kesihatan. Pelabelan bagi bunga *carnation* GMO tidak menjadi isu kerana Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tidak meluluskan permit mengimport bagi produk ini atas sebab-sebab tertentu.

Bagi produk selain daripada ujikaji lapangan, keperluan pelabelan dilaksanakan dengan memasukkan keperluan ini dalam syarat dan terma kelulusan yang dikeluarkan oleh Lembaga Biokeselamatan di bawah Akta 678.

Sekian, terima kasih.